

Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep Pembahagian Sel

Aziz Nordin¹ & Ami Norliyana Shamsu Kamar²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesalahfahaman pelajar di dalam konsep pembahagian sel dalam mata pelajaran Biologi KBSM Tingkatan 4. Data deskriptif dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan manakala data inferensi dianalisis dalam bentuk korelasi menggunakan program SPSS v13.0. Hasil penemuan menunjukkan tahap pemahaman pelajar di dalam konsep pembahagian sel adalah pada tahap yang memuaskan sahaja. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan terkini dalam mata pelajaran Biologi dengan pencapaian markah konsep pembahagian sel.

Katakunci: *Konsep, Sel*

ABSTRACT: The aim of this research is to identify student's misconception in cell division concept in Biology KBSM Form 4 subject. Descriptive data analyzed by using the method of frequency and percentage. On the other hand, inference data is analyzed by correlation. Both data are analyzed by using SPSS program v13.0. The result showed that students understanding level in cell division concept are in satisfied level only. However, there is a significant difference between the student's latest results of Biology subject with the marks of the cell division concept's test.

Keywords: *Concept, Cell*
